

# HAK PESAKIT & KELUARGA HOSPITAL ENCHE' BESAR HAJJAH KHALSOM, KLUANG



**SEBAGAI PESAKIT  
ANDA LAYAK UNTUK :**

- 1** Mendapat rawatan perubatan yang sewajarnya dan selamat mengikut perkhidmatan yang disediakan tanpa mengira bangsa, agama, taraf sosioekonomi dan kewarganegaraan.
- 2** Mendapat maklumat berkaitan perkhidmatan dan rawatan yang disediakan oleh pihak hospital.
- 3** Mendapat maklumat sewajarnya tentang peraturan dan polisi hospital yang berkaitan dengan pesakit serta waris.
- 4** Mengetahui identiti setiap pakar / pegawai perubatan / jururawat serta kakitangan hospital yang terlibat dalam merawat pesakit.
- 5** Dihormati berdasarkan nilai peribadi, kepercayaan rohani atau agama dan menghormati permintaan kompleks.
- 6** Mendapatkan akses kepada penterjemah bahasa sekiranya terdapat kekangan bahasa .
- 7** Diberikan perlindungan & maklumat keselamatan harta benda pesakit mengikut garis panduan / polisi yang telah ditetapkan.
- 8** Diberikan perlindungan dari kecederaan fizikal daripada pelawat / pesakit lain / kakitangan hospital ataupun orang lain terutama golongan kurang upaya dan berisiko yang lain.
- 9** Diberikan perlindungan dari dihalang atau tidak menerima rawatan yang sewajarnya ataupun mereka tidak dibantu semasa kebakaran atau kecemasan.
- 10** Memastikan rekod perubatan sentiasa dirahsiakan serta dilindungi dari kehilangan, salahguna atau kerosakan selaras dengan undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan.

# HAK PESAKIT & KELUARGA HOSPITAL ENCHE' BESAR HAJJAH KHALSOM, KLUANG



**SEBAGAI PESAKIT  
ANDA LAYAK UNTUK :**

**11** Mendapatkan maklumat berkaitan hasil siasatan dan pemeriksaan, diagnosis serta dilibatkan didalam membuat keputusan untuk menentukan rawatan dan proses penjagaan pesakit.

**12** Menolak atau tidak bersetuju sesuatu prosedur diagnostik ataupun rawatan / prosedur / pembedahan dilakukan ke atas mereka serta hak untuk meninggalkan hospital dengan risiko sendiri (against medical advise/ at own risk).

**14** Diberitahu mengenai risiko atau "adverse effect" yang boleh berlaku semasa proses perawatan.

**13** Mendapatkan pandangan atau nasihat kedua dari pakar / perubatan pegawai yang lain berkaitan diagnosis dan rawatan untuk pesakit.

**15** Dihormati berkaitan keputusan pesakit dan keluarga untuk memberhentikan resusitasi.

**16** Mendapatkan rawatan penuh rasa ihsan serta rasa hormat semasa tahap akhir hayat (terminally ill).

**18** Diberi penjelasan tentang mekanisme aduan di fasiliti dan diberi jaminan bahawa aduan akan disiasat dan tindakan penambahbaikan / susulan akan diambil dan berhak mengetahui hasil siasatan.

**17** Diberikan peluang mendapatkan bimbingan serta nasihat secara spiritual oleh penasihat agama bertauliah yang disediakan pihak hospital.

**19** Diberikan maklumat dan peluang untuk turut serta menyampaikan maklumbalas didalam kajian kepuasan pelanggan serta kualiti perkhidmatan hospital.

**20** Diberikan penjelasan berkaitan kos rawatan / prosedur / pembedahan terlebih dahulu sebelum bersetuju, dan memberikan pesakit/waris maklumat berkaitan saluran bantuan kewangan jika diperlukan.

# HAK PESAKIT & KELUARGA HOSPITAL ENCHE' BESAR HAJJAH KHALSOM, KLUANG

**SEBAGAI PESAKIT ANDA LAYAK UNTUK :**



**21**

Mendapatkan maklumat terperinci bagi bayaran bil hospital.

**22**

Mendapatkan maklumat yang lengkap (iaitu keperluan, tatacara, risiko serta kesan sampingan) sebelum memberikan sesuatu KEIZINAN / KEBENARAN diberikan.

**24**

Mendapatkan maklumat secukupnya berkaitan pendermaan organ, perolehan organ serta proses transplantasi organ.

**23**

Diberi maklumat secukupnya dan hak untuk mengambil bahagian atau menolak dari terlibat dalam kajian dan penelitian.

**25**

Mendapatkan pendidikan kesihatan dan kaunseling untuk membantu proses rawatan pesakit.

**26**

Mendapatkan privasi semasa menjalani pemeriksaan, rawatan dan penjagaan di fasiliti.

**27**

Diberikan penjelasan dan membuat keputusan memberikan KEIZINAN / KEBENARAN terhadap rakaman foto atau video keatas pesakit, serta mendapatkan salinan rakaman.

**28**

Mendapatkan rawatan bebas kesakitan sesuai dengan polisi bebas kesakitan yang tersedia di fasiliti.